

24/06/1998

Lima perjanjian bangunan Cyberjaya dimeterai

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyaksikan pemeteraian lima perjanjian antara pemaju utama bandar raya pintar Cyberjaya, Cyberview Sdn Bhd, dengan empat syarikat lain.

Perjanjian berkenaan membabitkan pembangunan prasarana fizikal dan kemudahan sokongan di bandar raya pintar Cyberjaya yang berada di dalam Koridor Raya Multimedia (MSC).

Perjanjian yang pertama adalah dengan Telekom Malaysia Bhd bagi penyediaan kemudahan teknologi maklumat terkini untuk zon utama Cyberjaya yang seluas 2,800 hektar.

Mengikut perjanjian bernilai RM1 bilion, Telekom Malaysia diberi hak eksklusif untuk mereka, merancang, memasang, melaksana dan mengendalikan prasarana telekomunikasi dalam zon terbabit.

Cyberview juga memeterai dua lain perjanjian dengan Telekom Malaysia bagi penjualan dan pembelian tanah untuk pembangunan universiti multimedia, dan yang ketiga adalah untuk pembangunan kompleks teknologi maklumat di Cyberjaya.

Perjanjian berkenaan ditandatangani antara Pengerusi Cyberview, Tan Sri Othman Yeop Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutif Telekom Malaysia, Datuk Mohamed Said Mohamed di Cyberjaya, minggu lalu.

(END)